



**INTERNATIONAL JOURNAL OF
ENTREPRENEURSHIP AND
MANAGEMENT PRACTICES
(IJEMP)**
www.ijemp.com



**PENGARUH KEPIMPINAN TYT TUN SERI SETIA (DR) HAJI
MOHD ALI BIN MOHD RUSTAM DALAM MEMACU
PEMBANGUNAN SOSIOEKONOMI MELAKA**

*THE INFLUENCE OF TYT TUN SERI SETIA (DR.) HAJI MOHD ALI BIN MOHD
RUSTAM'S LEADERSHIP IN DRIVING THE SOCIOECONOMIC DEVELOPMENT
OF MELAKA*

Mohd Hafizuddin Mejah¹, Mohammad Ismail², Siti Amaliya Mohd Radyi^{3*}

¹ Faculty of Entrepreneurship and Business, Universiti Malaysia Kelantan, Malaysia
Email: mohdhafizuddinmejah@gmail.com

² Faculty of Entrepreneurship and Business, Universiti Malaysia Kelantan, Malaysia
Email: mohammad.i@umk.edu.my

³ Faculty of Entrepreneurship and Business, Universiti Malaysia Kelantan, Malaysia
Email: amaliya.mr@umk.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 30.10.2024

Revised date: 14.11.2024

Accepted date: 19.12.2024

Published date: 30.12.2024

To cite this document:

Mejah, M. H., Ismail, M., & Radyi, S. A. M. (2024). Pengaruh Kepimpinan TYT Tun Seri Setia (Dr) Haji Mohd Ali Bin Mohd Rustam Dalam Memacu Pembangunan Sosioekonomi Melaka. *International Journal of Entrepreneurship and Management Practices*, 7 (28), 496-504.

Abstrak:

Kajian ini menganalisis pengaruh kepimpinan TYT Tun Seri Setia (Dr) Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam dalam memacu pembangunan sosioekonomi di Melaka. Sebagai Yang Di-Pertua Negeri Melaka dan bekas Ketua Menteri, TYT Tun Seri Setia memainkan peranan penting dalam merangka dan melaksanakan dasar-dasar yang membawa kepada kemajuan negeri. Bermula daripada kerjaya yang sederhana sebagai kerani di Lembaga Letrik Negara, beliau kemudiannya menduduki pelbagai jawatan penting dalam sektor awam sebelum menceburi politik pada tahun 1986. Beliau telah memegang pelbagai jawatan dalam Exco Negeri Melaka dan juga sebagai Timbalan Menteri di peringkat persekutuan. Sebagai Ketua Menteri Melaka selama tiga penggal, kepimpinan beliau menyaksikan pelbagai inisiatif pembangunan yang membawa kepada peningkatan kesejahteraan sosial dan ekonomi negeri Melaka. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui teknik penelitian dan analisis kandungan untuk menilai impak kepimpinan beliau. Hasil kajian menunjukkan bahawa kepimpinan TYT Tun Seri Setia yang berpandukan nilai-nilai keagamaan dan ketelusan telah berjaya mengatasi pelbagai cabaran ekonomi dan sosial, serta memupuk suasana inklusif dan mampan di Melaka. Kejayaan ini mencerminkan bahawa pendekatan

DOI: 10.35631/IJEMP.728035.

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)

kepemimpinan yang strategik dan integratif telah membawa perubahan positif yang signifikan dalam masyarakat. Kajian ini juga mendapati bahawa sumbangan TYT Tun Seri Setia menjadi inspirasi kepada pemimpin lain dalam usaha membangunkan komuniti yang berdaya saing dan berwawasan.

Keywords:

Kepimpinan, Pembangunan Sosioekonomi, Melaka, Tuan Yang Terutama Tun Seri Setia (Dr) Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam, Dasar Ekonomi, Inklusiviti, Keberkesanan

Abstract:

This study analyzes the influence of TYT Tun Seri Setia (Dr) Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam's leadership in driving socioeconomic development in Melaka. As the Yang Di-Pertua Negeri Melaka and former Chief Minister, TYT Tun Seri Setia played a crucial role in formulating and implementing policies that led to the state's progress. Starting from a humble career as a clerk at the National Electricity Board, he later held various significant positions in the public sector before entering politics in 1986. He has held multiple roles in the Melaka State Executive Council and also served as a Deputy Minister at the federal level. As the Chief Minister of Melaka for three terms, his leadership saw various development initiatives that led to improvements in the social and economic well-being of the state. This study employs a qualitative approach through research and content analysis techniques to assess the impact of his leadership. The findings show that TYT Tun Seri Setia's leadership, guided by religious values and transparency, successfully overcame various economic and social challenges and fostered an inclusive and sustainable environment in Melaka. This success reflects that a strategic and integrative leadership approach has brought about significant positive changes in society. The study also finds that TYT Tun Seri Setia's contributions serve as an inspiration to other leaders in their efforts to develop competitive and visionary communities.

Keywords:

Leadership, Socioeconomic Development, Melaka, Tuan Yang Terutama Tun Seri Setia (Dr) Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam, Economic Policy, Inclusivity, Effectiveness.

Pengenalan

Negeri Melaka terletak di pantai barat daya Semenanjung Malaysia, memiliki sejarah yang panjang dan kaya iaitu bermula sejak zaman Kesultanan Melaka pada abad ke-15. Diakui sebagai tempat permulaan sejarah Malaysia, Melaka adalah negeri yang signifikan dengan warisan budaya, sejarah, dan tradisi. Atas faktor itu, Kota Melaka yang bersejarah ini diiktiraf sebagai Tapak Warisan Dunia oleh UNESCO pada tahun 2008, menandakan kepentingannya dalam konteks sejarah dan budaya dunia. Keluasan negeri Melaka adalah sekitar 1650 kilometer persegi sekaligus tergolong dalam negeri ketiga terkecil di Malaysia selepas dua negeri di sebelah utara iaitu Pulau Pinang dan Perlis. Seterusnya, Negeri ini dibahagikan kepada tiga daerah utama, iaitu Melaka Tengah, Alor Gajah, dan Jasin sehingga tahun 1990-an.

Manakala, daripada ketiga-tiga daerah ini, Melaka Tengah adalah yang terpenting kerana meliputi kawasan-kawasan bersejarah dan merangkumi Bandar Melaka, iaitu ibu negeri Melaka. Menurut Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2022), jumlah penduduk Melaka pada tahun 2020 adalah sebanyak 998,428 orang dengan kepadatan 583 orang per kilometer persegi. Sebanyak 92.9 peratus daripada jumlah penduduk adalah warganegara, dan hampir 91% penduduk tinggal di kawasan bandar. Daerah Melaka Tengah mencatatkan penduduk paling ramai, iaitu 60 peratus daripada keseluruhan penduduk Melaka. Komposisi kaum di Melaka terdiri daripada 71.4% kaum Melayu, 22.4% kaum Cina, 5.5% kaum India, 1.0% bumiputera, dan 7.8% bukan warganegara. Dari segi kegiatan ekonomi, kebanyakan penduduk terlibat dalam pelbagai industri, menjadikan Melaka bukan sahaja kaya dengan sejarah tetapi juga dinamik dalam pembangunan ekonomi. Tuan Yang Terutama (TYT) Tun Seri Setia (Dr) Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam, yang dilantik sebagai Yang di-Pertua Negeri Melaka yang ketujuh pada 4 Jun 2020, lahir pada 24 Ogos 1949. Beliau merupakan anak kepada Mohd Rustam Ghulam Haider dan Minah binti Musa, serta anak kelahiran Bukit Katil yang memulakan pendidikan asas di Sekolah Rendah Kebangsaan Bukit Katil sebelum melanjutkan pengajian di Melaka High School. Beliau memperoleh Ijazah Kepujian Sarjana Muda Kemasyarakatan (Ekonomi Pembangunan) dari Universiti Sains Malaysia (USM) pada tahun 1984 dan Ijazah Sarjana Sastera dari Universiti Malaya pada tahun 2013.

Pelantikan beliau sebagai Yang di-Pertua Negeri Melaka yang ketujuh memecah tradisi kepemimpinan tertinggi negeri, menandakan pencapaian besar dalam sejarah kepimpinan Melaka. Sebelum ini, beliau telah memegang pelbagai jawatan penting, antaranya Timbalan Menteri Kesihatan, Ahli Parlimen Batu Berendam dari 1995 hingga 1999, serta Ketua Menteri Melaka yang kesembilan dari 1999 hingga 2013. Sebagai Ketua Menteri, beliau memperkenalkan Visi Melaka Maju 2010 yang bertujuan menjadikan Melaka sebagai negeri maju, yang berjaya dicapai pada tahun 2010.

TYT Tun Seri Setia (Dr) Haji Mohd Ali Bin Mohd Rustam memulakan kerjaya sebagai Kerani Kanan di Tenaga Nasional (TNB) pada tahun 1969 hingga 1979, kemudian berkhidmat di Jabatan Kebajikan Masyarakat (KEMAS), dan seterusnya dilantik sebagai Setiausaha Khas kepada Ketua Menteri Melaka serta Exco Kerajaan Negeri yang menguruskan Portfolio Perumahan, Kerajaan Tempatan, dan Alam Sekitar. Keberanian dan ketegasan beliau dalam mengambil keputusan yang berani telah membawa Melaka menuju pelbagai kemajuan, termasuk dalam sektor pendidikan, pembangunan infrastruktur, dan ekonomi.

Berkat sumbangan beliau, beliau dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Pengurusan (Pembangunan Belia) oleh Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) pada tahun 2003 dan Ijazah Kehormat Doktor Pengurusan oleh Multimedia University pada tahun 2011. Kepimpinan beliau yang berwibawa serta kecekalan dan kegigihan dalam menghadapi cabaran telah menjadikan beliau seorang pemimpin yang dihormati dan dihargai oleh seluruh lapisan masyarakat.

TYT Tun Seri Setia (Dr) Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam bukan sahaja contoh terbaik seorang pemimpin, tetapi juga inspirasi kepada generasi pemimpin masa depan. Kepimpinan beliau yang mengutamakan nilai-nilai kecekalan, kegigihan, dan kewibawaan telah berjaya membawa Melaka mencapai status negeri maju dan menjadikannya salah satu destinasi

penting di Malaysia. Dalam konteks ini, TYT Tun Seri Setia (Dr) Haji Mohd Ali Bin Rustam telah menunjukkan ciri-ciri kepimpinan yang berkesan sepanjang kerjayanya, bermula dari jawatan sederhana sebagai kerani di Lembaga Letrik Negara sehingga menjadi Yang di-Pertua Negeri Melaka. Kepimpinan beliau telah memberikan impak yang signifikan dalam memacu pembangunan sosioekonomi Melaka, melalui dasar-dasar yang inklusif dan mampan. Artikel ini akan meneliti pengaruh kepimpinan beliau dalam merangka dan melaksanakan dasar-dasar pembangunan yang membawa kemajuan kepada negeri Melaka.

Sorotan Literatur

Kepimpinan yang berkesan adalah elemen penting dalam mencapai matlamat pembangunan sesebuah negeri atau organisasi (Abas, 2005; Ahmad, 2022; Umar, 2020). Dalam konteks negeri Melaka, pembangunan sosioekonomi yang mampan bergantung kepada keupayaan pemimpin untuk memacu visi jangka panjang dan memastikan dasar-dasar ekonomi serta sosial dilaksanakan dengan baik. Pemimpin perlu mempunyai kebolehan untuk mengimbangi kepentingan pihak berkepentingan yang berbeza, termasuk kerajaan, sektor swasta, dan komuniti setempat (Iqbal et al., 2020; Udofia, 2020). Hal ini penting kerana keberkesanan kepimpinan bukan sahaja bergantung kepada kekuatan dasar, tetapi juga kepada kemampuan untuk membuat keputusan dan mengatasi cabaran yang wujud.

Dalam sektor ekonomi masa kini, pemimpin yang berwawasan dapat merangsang pertumbuhan melalui pelaburan dan pembangunan infrastruktur yang mampan, yang seterusnya akan meningkatkan kualiti hidup rakyat. Sebagaimana yang telah dijelaskan oleh Tang (2023) kepimpinan negara yang berwawasan dan berkesan dapat meningkatkan pertumbuhan ekonomi melalui pelaksanaan dasar yang bersepadu, penggemblengan sumber ekonomi yang optimum, dan perancangan ekonomi yang teratur. Tambahan pula, pentadbiran yang cekap dan berkesan amat bergantung kepada kepimpinan yang produktif dan telus (Ay et al., 2015; Cerni et al., 2014; Ritter & Mostert, 2017). Seorang pemimpin yang berfikiran produktif akan berusaha untuk mengoptimumkan sumber, mempercepatkan proses pentadbiran, dan mengurangkan birokrasi yang boleh menghalang kemajuan (Atasoy, 2020). Dalam dunia yang semakin kompleks dan dinamik hari ini, kepimpinan memegang peranan yang sangat penting dalam menentukan arah sesuatu organisasi atau masyarakat. Seorang pemimpin bukan sekadar individu yang memegang jawatan tinggi, tetapi juga figura yang mampu mempengaruhi dan menginspirasi orang lain untuk mencapai matlamat bersama.

Ciri-ciri utama seorang pemimpin yang berkesan termasuk visi yang jelas, kemahiran komunikasi yang baik, dan keupayaan untuk membuat keputusan yang bijak dalam situasi yang mencabar (Pearce et al., 2008; Javor & Jancsics, 2016). Mengakui pentingnya nilai dan sikap dalam membentuk kepimpinan, elemen-elemen ini mempunyai peranan yang signifikan dalam membentuk gaya kepimpinan politik individu. Dalam konteks keperibadian dan kewibawaan TYT Tun Seri Setia (Dr) Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam sebagai seorang pemimpin telah berhasil mempraktikkan nilai-nilai kepimpinan yang berasaskan integriti, ketabahan, dan keberanian, yang seterusnya memberi impak positif dalam pembangunan negeri Melaka. Menurut Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali, dalam tempoh tiga penggal Tun Mohd Ali menjadi Ketua Menteri, pelbagai usaha telah dibuat di bawah kepimpinan Tun Mohd Ali untuk membangunkan Melaka menjadi negeri yang berkembang maju dan destinasi pelancongan yang popular (Abdul Majid, 2022).

Pencapaian gemilang ini hanya dapat diraih oleh seorang pemimpin yang benar-benar tulus dan ikhlas dalam setiap tindakan yang diambil. Sebagai pemimpin yang dihormati, beliau tidak hanya memberi perhatian kepada kemajuan fizikal negeri Melaka, tetapi turut menekankan pembangunan sumber manusia serta penerapan nilai-nilai murni dalam masyarakat. Kepimpinan beliau yang berlandaskan prinsip dan etika yang teguh telah memainkan peranan penting dalam mewujudkan masyarakat yang lebih progresif dan moden. Melalui penelitian sorotan literatur kajian-kajian lepas berkaitan dengan kepimpinan dan TYT Tun Seri Setia (Dr) Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam, terdapat beberapa rumusan yang dapat diulas. Sebagai pemimpin yang berwibawa, beliau telah menjadi tokoh pemimpin bagi negeri Melaka. Sehingga teretusnya satu buah buku berjudul "Dari Bukit Katil ke Istana Melaka: Biografi Tuan Yang Terutama Seri Setia (Dr) Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam", yang merupakan satu-satunya buku penulisan tentang beliau sebagai tokoh pemimpin.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif untuk menilai pengaruh kepimpinan TYT Tun Seri Setia (Dr) Haji Mohd Ali Bin Rustam dalam pembangunan sosioekonomi Melaka. Data dan maklumat diperoleh melalui penelitian dan analisis kandungan, yang melibatkan pelbagai sumber bertulis seperti dokumen rasmi, laporan kerajaan, artikel akademik, dan bahan-bahan arkib yang relevan. Pendekatan ini merujuk kepada kaedah kajian yang menekankan pemerhatian mendalam terhadap topik yang dibincangkan secara tematik, semulajadi, dan bebas, dengan menggunakan maklumat daripada pelbagai sumber seperti sumber primer dan sekunder (Fook Meng, 2012; Hamzah, 2004; Kean Hua, 2016; Rozali, 2022). Pendekatan ini tidak bergantung pada data kuantitatif seperti frekuensi, peratusan, atau sisihan piawai. Pendekatan kualitatif sangat popular dalam bidang sains sosial kerana ia sering digunakan dalam kajian historiografi, etnografi, dan sosiologi (Hamzah, 2004; Jasmi, 2012; Rozali, 2022), yang lebih menekankan penggunaan perkataan dan naratif berbanding data kuantitatif (Creswell, 1994; Rozali, 2022).

Maklumat yang dikumpulkan dianalisis secara deskriptif, di mana setiap data diuraikan secara terperinci untuk memahami konteks dan isi kandungannya. Data ini kemudian disusun secara tematik, yang bermaksud pengkaji mengenal pasti tema-tema utama yang muncul daripada data tersebut. Proses ini melibatkan pengkodan data, di mana setiap maklumat yang relevan dikategorikan di bawah tema tertentu seperti visi kepimpinan, strategi pembangunan, dan keberkesanan pelaksanaan dasar. Pendekatan tematik ini membantu dalam mengenal pasti corak dan hubungan antara pelbagai elemen kepimpinan dan pembangunan yang diterapkan oleh Tun Seri Setia. Pendekatan ini membolehkan penyelidik memberikan gambaran yang komprehensif tentang sumbangan dan keberkesanan kepimpinan beliau dalam memacu pembangunan sosioekonomi di Melaka.

Dapatan Kajian

Melalui pendekatan tematik analisis, beberapa tema utama telah dikenalpasti, termasuk Pembangunan Infrastruktur, promosi pelancongan, pembangunan ekonomi dan peningkatan kualiti hidup masyarakat.



Sumber: Kajian Penyelidik, 2024.

Gambarajah 1: Pengaruh Kepimpinan TYT Tun Seri Setia (Dr) Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam

Di bawah kepimpinan TYT Tun Seri Setia (Dr) Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam, Melaka menyaksikan pembangunan pesat dalam infrastruktur, merangkumi pembinaan jalan raya, jambatan, dan pelbagai kemudahan awam. Projek-projek ini bukan sahaja berjaya meningkatkan mobiliti dan aksesibiliti penduduk setempat tetapi juga menarik pelaburan asing dan domestik. Penyataan ini jelas disokong oleh kajian lepas tentang kesan kepimpinan national terhadap pertumbuhan ekonomi oleh Tang (2023), bahawa punca kuasa kepada perkembangan ekonomi sesebuah negara bergantung kepada kualiti kepimpinan seorang pemimpin. Kesemua inisiatif ini telah memainkan peranan penting dalam memacu pertumbuhan ekonomi Melaka dan mewujudkan destinasi yang lebih menarik untuk pelabur serta pengunjung.

Promosi Pelancongan merupakan satu lagi tema penting yang dikenalpasti di bawah kepimpinan TYT Tun Seri Setia (Dr) Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam. Beliau memainkan peranan penting dalam mempromosikan Melaka sebagai destinasi pelancongan utama melalui pelbagai inisiatif strategik. Antaranya termasuklah Melaka River Cruise, yang menawarkan pengalaman unik menyusuri Sungai Melaka, serta usaha mendapatkan pengiktirafan Melaka sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO pada tahun 2008. Inisiatif-inisiatif ini telah berjaya menarik perhatian pelancong dari dalam dan luar negara, sekaligus meningkatkan jumlah pelancong yang berkunjung ke Melaka. Kemasukan pelancong yang tinggi ini bukan sahaja menyumbang secara signifikan kepada ekonomi tempatan tetapi juga memperkukuhkan reputasi Melaka sebagai destinasi pelancongan bertaraf dunia. Seperti yang dijelaskan oleh Tang (2023) dalam kajiannya, sektor pelancongan merupakan pemangkin penting bagi pertumbuhan ekonomi Malaysia. Namun, keberkesanannya amat bergantung kepada tahap pelaburan modal dan kualiti kepimpinan negara yang menyokong pembangunan infrastruktur dan perkhidmatan pelancongan yang berkualiti (Tang, 2023).

Di bawah tema Pembangunan Ekonomi, kepimpinan TYT Tun Seri Setia (Dr) Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam menekankan pelbagai inisiatif untuk memperkukuhkan ekonomi negeri Melaka. Beliau memberi perhatian khusus kepada pembangunan sektor keusahawanan dan industri kecil dan sederhana (IKS), yang merupakan tulang belakang ekonomi negeri. Antara langkah-langkah yang diambil termasuk menyediakan program latihan yang komprehensif untuk usahawan tempatan, bagi meningkatkan kemahiran dan daya saing mereka dalam pasaran. Selain itu, pelbagai bentuk bantuan kewangan turut disalurkan kepada para usahawan untuk membantu mereka memulakan dan mengembangkan perniagaan. Inisiatif-inisiatif ini bukan sahaja bertujuan untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi yang mampan tetapi juga untuk mewujudkan peluang pekerjaan dan meningkatkan taraf hidup rakyat Melaka. Secara umumnya ia menjelaskan bahawa kredibiliti seorang pemimpin adalah penting untuk memastikan kepimpinan terus dipercayai dan mampu menangani konflik dalam masyarakat, sekaligus menggalas tanggungjawab besar dalam memastikan matlamat dan agenda negara dapat dilestarikan (Khatijah Yasin et al., 2021).

Di bawah tema Peningkatan Kualiti Hidup, usaha TYT Tun Seri Setia (Dr) Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam dalam meningkatkan taraf hidup rakyat Melaka dapat dilihat melalui pelbagai inisiatif sosial dan kesihatan yang komprehensif. Beliau telah memperluaskan akses kepada perkhidmatan kesihatan dengan membangunkan lebih banyak fasiliti kesihatan yang berkualiti serta memastikan perkhidmatan ini boleh diakses oleh semua golongan masyarakat. Hal ini jelas digambarkan oleh (Khatijah Yasin et al., 2021) yang mana ketelusan dan kredibiliti pemimpin mewujudkan akses kepada kemudahan kesihatan dan bantuan yang lain tanpa mengira kaum. Cabaran kepimpinan yang besar masa kini memerlukan pemimpin yang sentiasa bersedia, proaktif, dan komited dalam membuat keputusan strategik (Khatijah Yasin et al., 2021; Tang, 2023), serta melaksanakan tindakan berkesan untuk memastikan kebajikan masyarakat dan mengutamakan aspek kemanusiaan. Di samping itu, TYT Tun Seri Setia (Dr) Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam juga menekankan kepentingan pendidikan dengan memperkenalkan pelbagai program pendidikan yang bertujuan meningkatkan kualiti dan aksesibiliti pendidikan bagi semua peringkat umur. Program kebajikan turut diberi perhatian, di mana bantuan dan sokongan diberikan kepada golongan kurang berkemampuan untuk memastikan mereka mendapat keperluan asas dan peluang untuk memperbaiki keadaan hidup mereka. Inisiatif-inisiatif ini mencerminkan komitmen beliau untuk memastikan setiap lapisan masyarakat Melaka menikmati kualiti hidup yang lebih baik dan sejahtera.

Kesimpulan

Kesimpulannya, kajian ini menunjukkan bahawa kepimpinan TYT Tun Seri Setia (Dr) Haji Mohd Ali Bin Rustam telah memberikan impak yang besar terhadap pembangunan sosioekonomi Melaka. Melalui pendekatan yang proaktif dan komited, beliau telah memperkenalkan pelbagai inisiatif yang berjaya memperkukuhkan sektor infrastruktur, pelancongan, ekonomi, dan meningkatkan kualiti hidup rakyat Melaka. Kejayaan beliau dalam memacu pembangunan ini terbukti melalui peningkatan akses kepada kemudahan awam, kemajuan sektor pelancongan, sokongan terhadap usahawan tempatan, serta usaha meningkatkan taraf hidup melalui pendidikan dan kebajikan. Kajian ini juga menekankan bahawa kredibiliti dan komitmen pemimpin dalam membuat keputusan strategik dan melaksanakan tindakan berkesan adalah kunci kejayaan dalam menangani cabaran dan memastikan kesejahteraan masyarakat.

Penghargaan

Penulis dengan penuh rendah hati ingin merakamkan penghargaan dan mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada TYT Tun Seri Setia (Dr) Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam serta barisan kepimpinan tertinggi yang terlibat dalam kajian ini. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada para penilai atas komen dan cadangan yang bernas, yang telah menyumbang secara signifikan dalam meningkatkan kualiti hasil kerja ini. Selain itu, kami berterima kasih kepada pasukan GAE atas peluang dan sokongan yang diberikan, yang memungkinkan penerbitan artikel ini. Akhir sekali, kami ingin menyatakan bahawa kajian ini tidak menerima sebarang geran khusus daripada mana-mana agensi pembiayaan dalam sektor awam, komersial, mahupun sektor bukan berasaskan keuntungan.

Rujukan

- Abas, M. (2005). Pembangunan Kepimpinan Dalam Organisasi. *Jurnal Pengurusan Awam*, 4(1), 1–10.
- Abdul Majid, M. F. (2022, August 24). Pembangunan, kemajuan Melaka hasil tangan Tun Mohd Ali. *Melakahariini*.
- Ahmad, J. (2022). Pengaruh: Satu elemen penting dalam kepimpinan. UTM News Hub. <https://news.utm.my/ms/2022/12/pengaruh-satu-elemen-penting-dalam-kepimpinan/>
- Ay, F. A., Karakaya, A., & Yilmaz, K. (2015). Relations Between Self-leadership and Critical Thinking Skills. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 207, 29–41. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2015.10.147>
- Cerni, T., Curtis, G. J., & Colmar, S. H. (2014). Cognitive-experiential leadership model: How leaders' information-processing systems can influence leadership styles, influencing tactics, conflict management, and organizational outcomes. *Journal of Leadership Studies*, 8(3), 26–39. <https://doi.org/10.1002/jls.21335>
- Creswell, J. W. (1994). *Research design: Qualitative and quantitative approach*. London: SAGE Publications.
- Fook Meng, C. (2012). Kajian Tindakan: Ke Arah Paradigma Kualitatif (Action Research: Towards A Qualitative Paradigm). *Asian Education Action Research Journal (AEARJ)*, 1.
- Hamzah, A. (2004). Kaedah Kualitatif Dalam Penyelidikan Sosiobudaya. *Jurnal Pengajian Media Malaysia/ Malaysian Journal of Media Studies*, 1(6).
- Iqbal, Q., Ahmad, N. H., & Halim, H. A. (2020). How Does Sustainable Leadership Influence Sustainable Performance? Empirical Evidence From Selected ASEAN Countries. *SAGE Open*, 10(4). <https://doi.org/10.1177/2158244020969394>
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2022). Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia. Access at <https://govdocs.sinarproject.org/documents/departement-of-statistics/population-and-housing-census-of-malaysia-2020/penemuan-utama-banci-penduduk-dan-perumahan-malaysia-2020.pdf/view>.
- Jasmi, K. A. (2012). Metodologi Pengumpulan Data Dalam Penyelidikan Kualitatif. *Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1 2012 at Puteri Resort Melaka on 28-29 Mac 2012. Organized by Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Temenggong Ibrahim, Jalan Datin Halimah, 80350 Johor Bahru, Negeri Johor Darul Ta'zim*.
- Jávor, I., & Jancsics, D. (2016). The role of power in organizational corruption: an empirical study. *Administration & Society*, 48(5), 527–558.
- Kean Hua, A. (2016). Pengenalan Rangkakerja Metodologi dalam Kajian Penyelidikan: Satu Kajian Komprehensif. In *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)* (Vol. 1, Issue 4). www.msocialsciences.com

- Khatijah Yasin, S., Adam, F., Anis Suhailah Nik Mohd, N., Rokiah Rahman, S. A., Mamat, N., & Hazlami Jusoh, M. (2021). Peranan Kepimpinan Negara Dalam Era Pandemik Covid-19 Di Malaysia [The Role Of National Leadership During The Era Of Covid-19 Pandemic In Malaysia]. *QALAM International Journal of Islamic and Humanities Research*, 1(2), 2021.
- Pearce, C. L., Manz, C. C., & Sims Jr, H. P. (2008). The roles of vertical and shared leadership in the enactment of executive corruption: Implications for research and practice. *The Leadership Quarterly*, 19(3), 353-359.
- Ritter, S. M., & Mostert, N. (2017). Enhancement of Creative Thinking Skills Using a Cognitive-Based Creativity Training. *Journal of Cognitive Enhancement*, 1(3), 243–253. <https://doi.org/10.1007/s41465-016-0002-3>
- Rozali, Y. A. (2022). Penggunaan Analisis Konten Dan Analisis Tematik. In *Penggunaan Analisis Konten dan Analisis Tematik Forum Ilmiah* (Vol. 19). www.researchgate.net
- Tang, C. F. (2023). Effect of National Leadership Quality, Exports, and Tourism on Economic Growth. *Jurnal Ekonomi Malaysia*, 57(1). <https://doi.org/10.17576/JEM-2023-5701-14>
- Udofia, C. A. (2020). Leadership and National Development. In *International Journal of Research and Innovation in Social Science (IJRISS)* [Volume IV: Vol. II. www.rsisinternational.org
- Umar, A. (2020). Pemimpin berwibawa membawa kemakmuran negara. Isu Semasa IKRAM. <https://ikram.org.my/author/atriza-umar/>